



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Bilangan 02 Tahun 2018

MANUAL PROSIDUR KERJA BAGI PENGURUSAN RUANG KONTRAKTOR DI SELURUH SISTEM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan bahawa Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil 04/2018, bertarikh 07 Februari 2018 telah meluluskan Manual Prosidur Kerja (MPK) bagi pengurusan ruang kontraktor di seluruh sistem UiTM.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) telah mengarahkan agar setiap ruang milik UiTM yang digunakan oleh pihak ketiga / luar perlu dikenakan caj sewaan.
- 2.2 Satu garis panduan perlu dikeluarkan bagi menyelaras semula pengurusan ruang kontraktor bagi dikenakan caj sewaan. kerana selama ini kontraktor perkhidmatan yang dilantik oleh UiTM, tidak dikenakan sebarang caj / sewaan.

3. OBJEKTIF

- 3.1 Menjana pendapatan kepada universiti.
- 3.2 Mengurangkan perbelanjaan pengurusan terhadap ruang-ruang yang digunakan oleh pihak ketiga.

4. KAEDEH PELAKSANAAN

Pelaksanaan pengurusan ruang kontraktor adalah berdasarkan kepada Manual Prosidur Kerja (MPK) yang telah diluluskan oleh MEU.

5. PERATURAN PENGURUSAN RUANG KONTRAKTOR

Bagi menyeragamkan pengurusan ruang kontraktor di seluruh sistem UiTM, beberapa dasar telah ditetapkan seperti berikut :-

- 5.1 Ruang-ruang yang dikhaskan untuk kegunaan kontraktor perlu diwartakan sebagai "ruang untuk kegunaan kontraktor / ruang kontraktor" oleh Jawatankuasa Pembangunan Pengurusan Fasiliti (di Kampus Shah Alam) ataupun oleh Jawatankuasa Pembangunan Pengurusan Fasiliti Negeri (JPPFN) di setiap cawangan.
- 5.2 Bilik-bilik servis tidak dibenarkan disewakan / digunakan oleh pihak kontraktor selaras dengan akta-akta yang mengikat ruang-ruang tersebut seperti Akta Bekalan Elektrik, Akta Bomba dan sebagainya.

Walaubagaimana pun, Akta-akta tersebut tidak memberikan peruntukan kepada UiTM untuk mengenakan sebarang denda kepada mereka-mereka yang menceroboh / menduduki / menggunakan ruang tersebut. Oleh itu, jurutera yang bertanggungjawab kepada kontraktor tersebut perlu memastikan ruang-ruang tersebut tidak diceroboh / diduduki / diguna oleh kontraktor-kontraktor UiTM.

- 5.3 Pihak kontraktor tidak diwajibkan menyewa ruang-ruang yang diwartakan untuk mereka. Walaubagaimana pun, jika di dapati pihak kontraktor menceroboh / menduduki / menggunakan ruang tersebut tanpa penyewaan, kadar sewaan bulan dijadikan sebagai kadar denda harian terdapat kontraktor yang menceroboh / menduduki / menggunakan ruang tersebut.
- 5.4 Kadar sewaan setiap ruang kontraktor perlu dinilai oleh Bahagian Pengurusan Hartanah & Pelaburan (BPHP) dan kadar sewaannya diluluskan oleh mesyuarat JKP. Bagi kampus-kampus yang ruang kontraktor belum lagi dinilai oleh BPHP, kadar sewaan ruang kontraktor adalah berdasarkan kepada kadar sementara yang telah diluluskan oleh JKP sehinggalah kadar khusus ruang-ruang tersebut dinilai oleh BPHP dan diluluskan oleh JKP.

6. PENGURUSAN RUANG KONTRAKTOR

- 6.1 Ruang Kontraktor akan diuruskan oleh Pengarah, Pejabat Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur (di Kampus Shah Alam) atau Ketua, Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT (selain Kampus Shah Alam).
- 6.2 Kuasa menandatangani Perjanjian Penyewaan terletak kepada Naib Canselor (bagi Kampus Shah Alam) dan bagi kampus cawangan diturunkan kuasa kepada Rektor Kampus Negeri selaras dengan keputusan mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Ke-154 bertarikh 20 September 2016 (K 3557)
- 6.3 Pembayaran sewaan hendaklah dibuat terus ke Pejabat Bendahari kampus di mana ruang kontraktor tersebut terletak.

7. TARIKH DIKELUARKAN

Pekeliling ini dikeluarkan pada 13 Ogos 2018

8. TARIKH KUATKUASA

Bagi kampus-kampus yang ruang kontraktor di kampus mereka telah dinilai oleh BPHP dan kadar sewaannya telah diluluskan oleh JKP, pekeliling ini **berkuatkuasa serta merta**.

Bagi kampus-kampus yang belum mengarahkan BPHP menjalankan nilaiann ke atas ruang kontraktor di kampus mereka, pekeliling ini **berkuatkuasa pada 1 Mei 2018**.

Yang Benar

PROFESOR IR. DR. HJ ABDUL RAHMAN OMAR, JSM
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi)

Dikelilingkan Kepada

*Pengarah, Pejabat Pembangunan Infrastruktur
Semua Rektor Kampus Negeri
Semua Penolong Rektor Kampus Cawangan
Semua Ketua Pejabat Pengurusan Fasiliti & ICT Negeri*

Bil Fail : 100-CSPI(PT.6/7/2)
No. Siri : 100-CSPI (BPHP.6/7/1)